



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
Bil. 2

20hb Januari 1994

TAMBAHAN No. 2
PERUNDANGAN

Tr. P.U. 3.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR MALAM/SEHARI
(MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU) 1993

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 (h), *Aka 171*. Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Hulu Terengganu membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Pasar Malam/Sehari (Majlis Daerah Hulu Terengganu) 1993 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Hulu Terengganu.

Nama, pemakaian
dan mula
berkuatkuasa.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya diisarkan dalam *Warta*.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya *Tafsiran*, menghendaki makna yang lain—

“gerai pasar malam/sehari” termasuklah sesebuah gerai, tapak, meja, bangku, bangku panjang, kerusi, papantunjuk, bumbung atau sesuatu yang bersangkutan dengannya sama ada yang mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau bukan beroda di mana makanan, minuman atau barang-barang daripada apa jua jenis dijual atau dipamerkan untuk jualan;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Hulu Terengganu;

“pasar malam” ertinya mana-mana tapak di atas mana-mana jalan awam, lorong awam atau tempat awam yang mana pada fikiran Yang Dipertua adalah sesuai untuk jualan atau dipamerkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang dari apa jua jenis daripada jam 4.00 petang hingga 12.00 malam;

“pasar sehari” ertinya mana-mana tapak di atas mana-mana jalan awam, lorong awam atau tempat awam yang mana pada fikiran Yang Dipertua adalah sesuai untuk jualan atau dipamerkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang dari apa jua jenis, daripada jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari;

“pegawai berkuasa” ertinya mana-mana pegawai Majlis;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang atau pertubuhan yang kepadanya suatu lesen telah diberikan di bawah undang-undang kecil ini;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua, Majlis Daerah Hulu Terengganu dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Lesen.

3. (1) Tiada seorang pun boleh mendirikan atau menempatkan mana-mana gerai pasar malam/sehari untuk tujuan perniagaannya di atas mana-mana jalan, lorong atau di atas mana-mana tempat awam atau persendirian tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil ini hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua, dan hendaklah dalam borang yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(4) Lesen yang dikeluarkan itu hendaklah menyatakan yang berikut:-

- (a) tapak atau kawasan di mana pemegang lesen dibenarkan mendirikan atau meletakkan gerai pasar malam/sehari dan menjalankan perniagaannya;
- (b) saiz gerai pasar malam/sehari itu;
- (c) waktu perniagaan;
- (d) tempoh di mana lesen itu sah; dan
- (e) apa-apa syarat yang difikirkan oleh Yang Dipertua sebagai patut untuk dikenakan.

(5) Tiap-tiap lesen boleh dibatal, dipotong atau digantung oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(6) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyerahkan lesenya kepada Yang Dipertua apabila ia tamat tempoh, dibatalkan, dipotong atau digantung.

4. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesenya pada setiap masa, di suatu tempat yang mudah dilihat dan tidak terlindung di gerainya dan mengemukakan atau disebabkan supaya dikemukakan lesen itu apabila diminta oleh mana-mana pegawai berkuasa. Lesen hendaklah dipamer.
5. (1) Semua lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 3 hendaklah tertakluk kepada bayaran fee sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Pertama. Fee lesen.
- (2) Fee yang dibayar di bawah undang-undang kecil ini tidak boleh dibayar balik apabila sesuatu lesen itu dibatalkan, digantung, dipotong atau tamat tempoh.
6. Tiada pemegang lesen mana-mana gerai pasar malam/sehari boleh memindahmilik, memajak atau menyewakan lesenya kepada mana-mana orang atau pertubuhan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua. Lesen tidak boleh dipindahmilik.
7. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah membiarkan semua tempat lalu-lalang di sebelah gerai pasar malam/sehari bebas dari apa jua jenis halangan yang timbul dari atau berkaitan dengan perniagaannya dan tiada pemegang lesen boleh menempatkan mana-mana artikel melewati garis-garis penandaan yang menunjukkan kawasan gerainya. Halangan.
8. Tiap-tiap pemegang lesen gerai pasar malam/sehari hendaklah menjaga— Kebersihan.
- (a) dirinya dan pakaianya supaya berada dalam keadaan yang bersih; dan
 - (b) semua artikel yang berhubung dengan perniagaannya termasuklah makanan, minuman supaya senantiasa dalam keadaan baik dan bersih.
9. (1) Semua sampah-sarap yang mudah busuk atau sampah-sarap jenis pepejal yang basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang sesuai dan diikat dengan sempurna sebelum dimasukkan ke dalam suatu tong sampah. Pembuangan sampah.
10. Tiada pemegang lesen gerai pasar malam/sehari atau pekerja-pekerjanya boleh menyebab atau memberar diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa jua bahan buangan, cecair buangan atau bahan busuk lain ke atas mana-mana jalan atau tempat awam atau ke dalam mana-mana longkang. Tumpahan bahan busuk.
11. Semua artikel, barang atau sesuatu yang bersangkutan dengan gerai pasar malam/sehari hendaklah dipindahkan oleh pemegang lesen selepas tamat tempoh waktu bermiaga yang ditetapkan. Gerai pasar malam/sehari dipindahkan selepas waktu perniagaan.
12. Tiada seseorang pun boleh mendirikan atau menempatkan mana-mana gerai pasar malam/sehari— Larangan.
- (a) di atas jalan-jalan utama;
 - (b) dalam lingkungan sembilan meter dari persimpangan jalan;

- (c) dalam lingkungan tiga puluh enam desimeter dari pili Bomba; atau
- (d) berhampiran dengan mana-mana surau, masjid, tanah perkuburan atau tempat beribadat.

Penalti.

13. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah undang-undang kecil ini, atau mana-mana syarat yang dinyatakan dalam sesuatu lesen adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan berterusan, denda tambahan tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Penytaraan.

14. (1) Apa-apa barang yang dicadang atau dipamerkan untuk jualan, bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kenderaan kepunyaan orang yang tidak dileSEN di bawah undang-undang kecil ini bolehlah disita oleh mana-mana pegawai berkuasa dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua dari ditahan di situ atas risiko pemunyanya.

(2) Apa-apa barang yang mudah musnah yang dirampas di bawah perenggan (1) undang-undang kecil ini bolehlah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

Tuntutan
ke atas
barang
yang
dirampas.

15. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah disita di bawah Undang-undang Kecil 14 boleh menuntut barang itu daripada Yang Dipertua dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh barang itu disita dan barang itu bolehlah dipulangkan kepada penuntut tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Yang Dipertua dan kepada bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Dengan syarat bahawa sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah disita di bawah undang-undang kecil 14 dalam tempoh tiga (3) bulan yang dinyatakan itu, Yang Dipertua boleh melupuskan barang itu mengikut apa-apa cara yang difikirkan oleh Yang Dipertua sebagai patut.

JADUAL PERTAMA

FEE LESEN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL 5 (1)

<i>Jenis</i>	<i>Saiz Gerai</i>	<i>Fee Lesen</i>	<i>Masa Perniagaan</i>
(1) Pasar Malam	8 kaki x 6 kaki	RM 25.00 satu tahun	4.00 petang hingga 12.00 malam
(2) Pasar Sehari	8 kaki x 6 kaki	RM 25.00 satu tahun	6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

JADUAL KEDUA

(UNDANG-UNDANG KECIL 14)

- | | |
|---|---------------------|
| (1) Memindah Gerai atau Barang | RM 10.00 satu trip. |
| (2) Bayaran menyimpan Gerai atau Barang | RM 0.50 sehari. |

Diperbuat oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu dalam mesyuarat pada 28 Jun, 1993.

[MDHTR. 01/783.]

HAJI WAN MUDA BIN MOHD,
*Yang Dipertua,
Majlis Daerah,
Hulu Terengganu*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 1 Disember, 1993.

[SUK. TR. 1200/376; PUN. TR. 85/3/19.]

OSMAN BIN MUDA,
*Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu*

LOCAL GOVERNMENT ACT, 1976

**PASAR MALAM/SEHARI (HULU TERENGGANU DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS 1993**

In exercise of the powers conferred by section 102 (h) of the Local ^{Act 171.} Government Act, 1976, the Hulu Terengganu District Council makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

1. (1) These by-laws may be cited as the **Pasar Malam/Sehari (Hulu Terengganu District Council) By-Laws 1993** and shall apply to the Hulu Terengganu District Council area. Citation, application and commencement.
 - (2) These by-laws shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.
2. In these by-laws, unless the context otherwise requires—
 - “authorised officers” means any officer of the Council;
 - “council” means the Hulu Terengganu District Council;
 - “licensee” means any person or association to whom a licence has been granted under these by-laws;
 - “pasar malam” means any site on any public street, public lane, or public place which in the opinion of the Council is suitable for the sale or display for sale of any food, drink or goods of any kind, from 4.00 pm. to 12.00 midnight.Interpretation.

"pasar malam/sehari stall" include any stall, site, table, stool, bench, chair, show board, roof covering or any appurtenance whether portable or non-portable and whether on wheels or not on wheels where foods, drinks or goods of any kind are sold or displayed for sale;

"pasar sehari" means any site on any public street, public lane, or public place which in the opinion of the Council is suitable for the sale or display for sale of any food, drink or goods of any kind, from 6.00 am. to 12.00 noon;

"President" means the President of the Hulu Terengganu District Council and includes the Deputy President.

Licence.

3. (1) No person shall erect or set up any pasar malam/sehari stall for the purpose of carrying on his business on any street, lane or on any public or private place without a licence issued by the President.

(2) Every application for a licence shall be made in writing to the President in such form as the President may determine.

(3) Every licence issued under these by-laws shall be signed by the President or any officer authorised in writing by the President, and shall be in such form as the President may determine.

(4) The licence issued shall specify the following:-

- (a) the site or area where a licensee is permitted to erect or set up his pasar malam/sehari stall and to carry on his business;
- (b) the size of the pasar malam/sehari stall;
- (c) the business hours;
- (d) the period for which the licence shall be valid; and
- (e) any conditions as the President may think fit to impose.

(5) Every licence may be revoked, cancelled or suspended by the President at any time without assigning any reason therefor.

(6) A licensee shall surrender his licence upon its expiry, revocation, cancellation or suspension to the President.

Licence to be exhibited.

4. Every licensee shall keep his licence exhibited at all times in a prominent and conspicuous place of the stall and produce or cause to be produced such licence when required to do so by any authorised officer.

Licence fee.

5. (1) All licences issued under by-law 3 shall be subject to fees as prescribed in the First Schedule.

(2) The fee paid under this by-law shall not be refunded upon the revocation, suspension, cancellation or expiry of a licence.

Licence not transferable.

6. (1) No licensee of any pasar malam/sehari stall shall transfer, lease or let out his licence to any person or association without prior written permission from the President.

7. Every licensee shall keep all passage-ways adjacent to his pasar malam/sehari stall be free from any obstruction arising from or in connection with his business and no licensee shall place any article beyond the lines of demarcation showing the area of his stall. Obstruction.

8. Every licensee of the pasar malam/sehari stall shall maintain— Cleanliness.

- (a) his person and clothing in a state of cleanliness; and
- (b) all articles relating to his business and including foods and drinks in a clean and sanitary condition.

9. (1) All putrefiable or wet solid refuse shall be placed in plastic bags or other suitable containers and properly secured before they are deposited in a refuse bin. Disposal of refuse.

(2) Every licensee shall ensure that all refuse accumulated in the course of his business are deposited from time to time in a refuse bin.

10. No licensee of a pasar malam/sehari or his employees shall cause or permit to be deposited, spilled, scattered or thrown any waste material, waste liquid or other offensive matter onto any street or public place or into any drain. Spilling of offensive matter.

11. All articles, goods or any appurtenances relating to pasar malam/sehari stall shall be removed by the licensee at the end of the specified trading hours. Pasar malam/sehari stall be removed after business hours.

12. No person shall erect or set up any pasar malam/sehari stall— Prohibition.

- (a) on the main road;
- (b) within nine metres of a street junction;
- (c) within thirty-six decimetres of a fire hydrant; or
- (d) near to any prayer house, mosque, cemetery or place of worship.

13. (1) Any person who contravenes any provision of these by-laws or any condition stipulated in the licence commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding one year or both, and in the case of a continuing offence to a further fine not exceeding two hundred ringgit for everyday that the offence is continued after conviction. Penalty.

14. (1) Any goods intended or displayed for sale, together with their containers and any accompanying appliances and the stall or vehicle belonging to a person not licensed under these by-laws may be seized by any authorised officer and removed to and detained at such place as may be determined by the President at the risk of the owner. Seizure.

(2) Any perishable goods seized under paragraph (1) of these by-laws may be disposed of in such manner as the President may determine.

Claims of
seized goods.

15. Any person having any claim to any of the goods seized under by-law 21 may claim the same from the President within a period of three months from the date of seizure and such goods may be returned to the claimant subject to such conditions as may be imposed by the President and to the payment of a fee as prescribed in the Second Schedule.

Provided that in the event of there being no claims made to any of the goods seized under by-law 14 within specified period of three months, the President may dispose of the said goods in such manner as the President may think fit.

FIRST SCHEDULE

LICENCE FEE UNDER BY-LAW 5 (1)

Type	Size of stall	Licence Fee	Business Hours
(1) Pasar Malam	8 feet x 6 feet	RM 25.00 per year	4.00 pm. to 12.00 midnight
(2) Pasar Sehari	8 feet x 6 feet	RM 25.00 per year	6.00 am. to 12.00 noon

SECOND SCHEDULE

(BY-LAW 14)

(1) Removal of stall or goods	RM 10.00 per trip.
(2) Storage of stall or goods...	RM 0.50 per day.

Made by the Hulu Terengganu District Council in their meeting on the 28 June, 1993.

[MDHTR. 01/783.]

HAJI WAN MUDA BIN MOHD,
President,
Hulu Terengganu,
District Council

Confirmed by the State Authority in their meeting on the 1st December, 1993.

[SUK. TR. 1200/376; PUN. TR. 85/3/19.]

OSMAN BIN MUDA,
Clerk of Council,
Terengganu